

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (9)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 30/08/16

Bismillahirrahmanirrahim

Sebuah daulah Islam perlu mempunyai dua institusi asas iaitu Ketua Negara (Khalifah, Sultan, Raja dsbnya) sebagai penguasa teratas, dan Menteri sebagai pentadbir yang membantu Ketua Negara dalam melaksanakan segala tanggungjawab pemerintahan.

Menurut al-Mawardi dalam kitabnya *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah*: “*Imam/Umara atau Ketua Negara diwujudkan sebagai pengganti Rasulullah ﷺ bagi melindungi agama serta mentadbir keduniaan (al-siyasah al-duniya)*”.

Apabila calon Ketua Negara yang mengikut ijtihad *ahl al-Hal wa al-'Aqd* (Jemaah Pemilih) telah memenuhi semua syarat kelayakan, maka tawaran perlantikan tersebut hendaklah dibentangkan kepadanya. Kalau diterimanya, maka diberikan bai'ah kepadanya dan dengan bai'ah Jemaah Pemilih itu, maka terlantiklah ia sebagai Ulil Amri. Sekiranya ia menolak maka ia tidak boleh dipaksa, kerana perlantikan tersebut adalah aqad kerelaan serta pilihan sendiri yang tidak tunduk pada sebarang paksaan ataupun tekanan.

Ringkasnya, syarat sah perlantikan seorang Khalifah atau Sultan perlu melalui dua proses, iaitu.

- i. **AQAD:** Sebagai suatu bentuk pengisytiharan yang jelas dan terang daripada tuanpunya badan kepada semua bahawa ia telah menerima perlantikan tersebut secara sukarela, bukan atas tekanan, paksaan atau ugutan.
- ii. **BAI'AT:** Rakyat jelata atau wakil mereka hendaklah memberikan bai'ah atau sumpah taat setia kepada Ketua Negara yang baru dilantik itu

Mengikut lintas sejarah umat Islam, acara terpenting dalam majlis perlantikan Ketua Negara yang baru adalah aqad atau lafaz sumpah yang lazim dibuat dengan memegang serta mengucup kitab suci al-Quran. Lafaz sumpah ini disaksikan oleh para pembesar serta alim-ulama. Ia bukan sahaja sebagai isyarat perlantikan resmi seseorang pemerintah umat Islam yang sah, malahan memberikan kesinambungan kepada corak pemerintahan tradisional yang telah berlangsung turun temurun.

Sebagai tanda 'penobatan' Ketua Negara, beberapa alat kebesaran Khilafah Islamiyyah atau alat kebesaran kesultanan yang lazimnya diwarisi secara turun temurun akan dikeluarkan. Alat kebesaran ini bukanlah hakmilik seseorang pemerintah secara peribadi, ia adalah milik institusi yang merangkumnya (Institusi Khilafah atau Institusi Beraja).

Alat kebesaran di sini adalah sebagai simbol atau tanda wakil bagi institusi yang sakaral itu, iaitu setelah pemerintah baru itu mengangkat sumpah untuk menjalankan amanah Allah sebagai Ulil Amri, maka 'penganugerahan alat kebesaran' adalah sebagai simbol pertabalannya secara resmi. Apabila pemerintah ini digantikan dengan yang baru, alat kebesaran tersebut akan diambil kembali

daripadanya dan diserahkan kepada pemerintah yang baru pula sebagai tanda kesinambungan warisan pemerintahan umat Islam yang berdaulat.

Dalam buku *Sejarah Umat Islam* karya Prof. Dr. Hamka, dicatatkan bahawa apabila Sultan Salim bin Bayazid Usmani menakluki Mesir dan Syam pada tahun 922 Hijrah, maka diterimanyalah dari al-Mutawakkil tanda-tanda Khalifah yang telah dipusakai dari Rasulullah ﷺ dan khalifah-khalifah yang menggantikan baginda, yang dipandang sebagai 'alamat kebesaran khalifah', dipegang secara turun temurun semenjak zaman Bani Umayyah dan Bani Abbassiyah di Baghdad, sampai ke Mesir, iaitu 'Burda' yang pernah dimiliki oleh Rasulullah ﷺ, sehelai panji hitam 'Al-Uqab' dan sebilah pedang baginda. Setelah majlis pertabalan atau aqad selesai, barulah dibuat upacara berbai'ah, atau sumpah taat setia yang diberikan oleh para pembesar negara yang mewakili rakyat jelata.

Dalam manuskrip *Hikayat Raja-raja Pasai*, tertera pengisbatan Merah Silu menjadi Sultan Pasai dengan gelar Sultan Malikus Salih. Disebut upacara pertabalan baginda seperti berikut:

“ Maka Sultan pun memakai selengkap pakaian kerajaan anugerah dari Mekah, kerana akan ditabalkan. Maka segala hulubalang pun sekaliannya bersaf-saf mengadap nobat Ibrahim Khalil, bentara pun berdiri manjabat salih, dan segala pegawai pun masing-masing membawa jabatannya. Maka genderang tabal itu pun dipalu oranglah dan segala bunyi-bunyian pun berbunyiilah. Maka bedil nobat itu pun dipasang oranglah dan segala hulubalang dan segala rakyat sekalian menjunjung duli menyembah mengatakan, '*Daulat dirgahayu Syah Alam, zillu 'l-lahi fi l-alam.*' Setelah sultan sudah tabal, maka segala hulubalang pun masing-masing duduklah dengan martabatnya mengadap baginda itu.”

Di bawah ini diperturunkan satu contoh bai'at yang dibuat dalam majlis perlantikan Sultan bagi negara Brunei Darussalam:

“Alhamdulillah Rabbil ‘alamina wassalatu wassalamu ‘ala Sayyidina Muhammadin wa ‘ala alihi wa sahbihil Qirami Faradhallahu Khairahu wa Talallahu ‘umurahu wa kammala ‘izzatahu wa fadh-dhalahu wa Adaama hayatahu wa yu’ Tiallahu daulatan fidduniya ila daril akhirati li annakum rajulun ‘aqilun min kulli ra’yatin wal-waziril ‘adili wal ihsani wanauwara qalbahu binuril ma’rifati wal-imani wal-Islami bi taufiqillah”

“ Bahawa dengan sesungguhnya, kami semua *Ahl al-Hal wa al-‘Aqd*, kemudian daripada muafakat dan mushawarat yang telah putus mentauliahkan fulan menjadi Raja kami di dalam kerajaan negeri ini dengan segala ta’luq daerahnya, dan berlakulah antara kami dengan Raja kami mengikut seperti ayat yang Maha Mulia Firman Allah Ta’ala di dalam Quran al ‘Azhim:

‘Atii’ullaha wa ati’urrasul wa ulil amri minkum, yakni taatlah kamu akan Allah Taa’la dan taatlah kamu akan RasulNya dan yang mempunyai pekerjaan, yakni yang mempunyai hukum daripada kamu’

Maka kami berikrar untuk meneguhkan setia bakti Ke bawah Duli Paduka Seri Sultan si fulan ibni si fulan di negeri Brunei Darussalam *Daulatan Qaimatan Madamat Birabbil ‘Alamin. Allahumma amin, Thumma amin*

Wakazalika fi Sanah XXXX

Wallahu 'alam bissawab. Bersambung...